

## Pengaruh Penggunaan Bahasa Kolokial dalam Kalangan Pelajar Bacelor UPM

### *The Influence of Colloquial Language Use Among UPM Bachelor's Students*

Nur Ain Mazatul Othman  
<sup>1</sup>Zuraini Jusoh

Program Sastera Bahasa dan Linguistik Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia

Correspondence email: <sup>1</sup>zurainijusoh@upm.edu.my

#### Article history:

Received date: 04.10.2025  
Revised date: 07.10.2025  
Accepted date: 27.10.2025  
Published date: 28.11.2025

#### ABSTRAK

*Kajian ini dijalankan bagi meneliti pengaruh penggunaan bahasa kolokial dalam kalangan pelajar bacelor di Universiti Putra Malaysia (UPM), khususnya dari aspek impaknya terhadap komunikasi lisan dalam konteks formal. Bahasa kolokial lazimnya digunakan dalam situasi tidak formal, namun kecenderungan penggunaannya dalam konteks akademik dan profesional menimbulkan kebimbangan terhadap kemerosotan struktur tatabahasa serta pencemaran terhadap martabat bahasa Melayu standard. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan yang dilaksanakan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada pelajar bacelor di bawah Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), UPM. Pemilihan sampel kajian dibuat secara bertujuan, iaitu melibatkan hanya pelajar program Bacelor Sastera Bahasa dan Linguistik Melayu dengan Kepujian (BABLM) dan pelajar program Bacelor Sastera Kesusasteraan Melayu dengan Kepujian (BAKM). Edaran soal selidik dibuat dalam bentuk pautan Google Form melalui kumpulan WhatsApp bagi kohort pelajar yang terlibat, iaitu kohort 2022/2023. Pelajar secara sukarela menjawab soal selidik tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar faham berkenaan konsep bahasa kolokial dan kekerapan penggunaannya dalam komunikasi lisan pelajar berada pada tahap tinggi ( $M=4.30$ ;  $SP=0.50$ ). Dapatan faktor yang mempengaruhi penggunaan bahasa kolokial dan kesannya terhadap komunikasi lisan pelajar juga berada pada tahap tinggi apabila mencatatkan nilai skor min antara 4.30 hingga 4.37. Pelajar kerap menggunakan bahasa kolokial ketika berbual dengan rakan, dan penggunaannya banyak dipengaruhi oleh pertuturan masyarakat. Kesan utama yang dikenal pasti ialah kemunculan kosa kata baharu hasil daripada penggunaan bahasa kolokial yang semakin meluas dalam kalangan pelajar.*

**Kata Kunci:** *Kuantitatif, Bahasa Kolokial, Komunikasi Lisan, Konteks Formal, Pelajar Universiti*

#### ABSTRACT

*This study was conducted to examine the influence of colloquial language use among bachelor's students at Universiti Putra Malaysia (UPM), especially in terms of its impact on oral communication in formal contexts. Colloquial language is usually used in informal situations, but the tendency of its use in academic and professional contexts raises concerns about the deterioration of grammatical*

*structure and the pollution of the dignity of the standard Malay language. This study uses a quantitative approach through a survey method which is implemented by distributing questionnaires to bachelor's students under the Department of Malay Language, Faculty of Modern Languages and Communication (FBMK), UPM. The selection of the study sample was made purposively, which involves only students of the Bachelor of Arts in Malay Language and Linguistics with Honours (BABLM) program and students of the Bachelor of Arts in Malay Literature with Honours (BAKM) program. The questionnaire was distributed in the form of a Google Form link via a WhatsApp group for the student cohort involved, namely the 2022/2023 cohort. Students voluntarily answered the questionnaire. The findings of the study show that most of students understand the concept of colloquial language and the frequency of its use in students' oral communication is at a high level ( $M=4.30$ ;  $SP=0.50$ ). The findings of factors that influence the use of colloquial language and its impact on students' oral communication are also at a high level when recording a mean score value between 4.30 and 4.37. Students often use colloquial language when chatting with friends, and their use is greatly influenced by the speech of the community. The main effect identified is the emergence of new vocabulary because of the increasingly widespread use of colloquial language among students.*

**Keywords:** *Quantitative, Colloquial Language, Oral Communication, Formal Context, University Students*

## 1. Pengenalan

Bahasa membolehkan manusia saling berinteraksi dan memahami antara satu sama lain. Bahasa digunakan sebagai satu cara komunikasi yang membolehkan pemindahan idea, emosi dan pemikiran untuk menyatakan perasaan, kemarahan dan difahami oleh orang lain (Wankhede, 2012). Namun begitu, bahasa sentiasa mengalami perubahan mengikut perkembangan semasa demi semasa, terutamanya dengan perkembangan teknologi maklumat kini yang semakin pesat. Chaer (2014) menyatakan bahawa kehidupan dalam masyarakat tidak tetap dan sentiasa berubah-ubah menyebabkan bahasa turut berubah, iaitu tidak tetap dan bukan statik. Oleh itu, wujudlah variasi bahasa disebabkan oleh keperluan pengguna bahasa untuk berkomunikasi dan berinteraksi bersesuaian dengan situasi dan fungsi dalam kontak sosial, seperti bahasa kolokial. Menurut Suhendar (2016), penggunaan bahasa kolokial ini dapat memudahkan interaksi antara individu kerana sifatnya yang ringkas dan tidak formal.

Za'ba (1949) menekankan bahawa bahasa yang baik dan berdisiplin adalah bahasa yang menjaga tatabahasa dan kesantunan. Oleh itu, bahasa kolokial yang sering mengabaikan struktur tatabahasa dan digunakan dalam situasi tidak formal, boleh dianggap sebagai tidak santun kerana kurang mematuhi norma bahasa yang ditetapkan untuk komunikasi rasmi. Penggunaan bahasa basahan atau kolokial ini turut menjejaskan struktur dan pola suku kata (Chaiyanara, 2006; Noor Aida, 2014) yang memberikan gambaran tentang penggunaan bahasa yang tidak formal yang melanggar konsep sopan-santun, adab dan kelembutan dalam berkomunikasi. Variasi bahasa kolokial juga dapat diklasifikasikan lebih lanjut, seperti ragam santai yang digunakan dalam situasi yang santai, dan ragam bahasa akrab yang digunakan antara teman yang sudah akrab, karib, dan keluarga (Wati et al., 2020).

Cara seseorang berbicara dapat mencerminkan karakter dan keperibadian mereka, dengan menggunakan ungkapan yang sopan, berstruktur dan jelas dapat menunjukkan tingkat pendidikan dan budi pekerti yang baik (Dewi et al, 2023). Tiada garis panduan yang jelas mengenai kesesuaian dan keberkesanan penggunaan sesuatu bahasa dalam konteks formal dan tidak formal ini menyebabkan wujud kekeliruan pelajar mengenai waktu dan cara untuk menggunakan bahasa kolokial dalam konteks yang lebih sesuai. Kemampuan untuk beralih antara kedua-dua gaya bahasa ini menunjukkan keterampilan yang penting dalam menghadapi

pelbagai situasi, terutama saat berkomunikasi di dunia profesional setelah lulus (Meylani et al., 2024).

Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan menekankan tiga objektif, iaitu untuk mengenal pasti tahap kekerapan penggunaan bahasa kolokial, menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaannya dalam komunikasi lisan formal pelajar, serta menilai kesannya terhadap keberkesanan komunikasi lisan formal pelajar.

## **2. Tinjauan Literatur**

### **2.1 Penggunaan Bahasa**

Fishman (1972) menekankan bahawa terdapat hubungan antara bahasa yang digunakan oleh individu dan masyarakat dengan struktur sosial masyarakat yang mempengaruhi pilihan dan penggunaan bahasa. Hubungan antara individu dengan masyarakat juga mempengaruhi keperluan penutur. Fishman (1972) menekankan konsep analisis domain dalam pemilihan bahasa, iaitu penggunaan bahasa bergantung kepada konteks tertentu, termasuk hubungan sosial dengan fungsi komunikasi.

### **2.2 Ragam Bahasa**

Penggunaan ragam bahasa yang tepat dapat menyampaikan sesuatu maksud, perasaan dan pandangan yang ingin diungkapkan, malah secara tidak langsung turut melambangkan keperibadian seseorang penutur tersebut (Norazilah et al., 2020). Dari perspektif sociolinguistik, ragam bahasa dalam bahasa Melayu terbahagi kepada dua, iaitu bahasa formal dan bahasa tidak formal (Samsudain & Omar, 2022). Penemuan tersebut selari dengan kajian Pardede (2014), yang menyatakan bahawa ragam bahasa terbahagi kepada dua, iaitu bahasa formal yang digunakan dalam situasi rasmi seperti di pejabat dan acara-acara formal, dan bahasa tidak formal yang digunakan dalam komunikasi harian seperti di rumah atau di tempat awam.

### **2.3 Bahasa Kolokial**

Dhia Hasanah (2020) yang menyatakan bahawa bahasa kolokial ini dapat membantu mengasah kemahiran bertutur pelajar. Holmes (2013) pula menyatakan bahawa bahasa kolokial memainkan peranan penting dalam membina hubungan sosial, menyampaikan makna emosi dan mewujudkan keakraban dalam komunikasi interpersonal. Sementara itu, Fishman (1972) pula menegaskan bahawa bahasa kolokial sering berfungsi sebagai alat untuk menunjukkan identiti kumpulan.

### **2.4 Ciri-ciri dan Bentuk Bahasa Kolokial**

*Worldwide Interpreting and Translation* (2023) telah mengenal pasti ciri-ciri bahasa kolokial adalah seperti menggunakan nada mesra, penggunaan slang, pemendekan kata, dan ekspresi figuratif seperti metafora dan idiom. Kajian ini juga menjelaskan peranan bahasa kolokial dalam memupuk hubungan lebih mesra serta dapat menyampaikan mesej secara ringkas dan jelas.

### **2.5 Pengaruh Terhadap Persepsi Profesional**

Muhidden dan Amran (2019) mendapati bahawa penggunaan trunkasi (pemendekan atau pengguguran sebahagian kata) bahasa kolokial dalam kalangan pelajar boleh membawa kepada fenomena morfologi yang mempengaruhi kefahaman dan persepsi dalam komunikasi formal serta, walaupun penggunaan bentuk kependekan ini lazim dalam komunikasi tidak formal, namun dianggap kurang sesuai dalam situasi rasmi kerana boleh menjejaskan imej profesional.

Tambahan lagi, kajian oleh Muhammad Zaid et al. (2024) mendapati bahawa pelajar yang kerap menggunakan ungkapan tidak formal atau percampuran kod antara bahasa baku dengan bahasa ragam tidak formal semasa pembentangan dianggap kurang berkeyakinan dan kurang profesional oleh khalayak. Persepsi negatif ini bukan sahaja mempengaruhi tanggapan terhadap kredibiliti pelajar tetapi juga menjejaskan peluang mereka dalam situasi kompetitif.

## **2.6 Pengaruh Terhadap Kesantunan Bahasa**

Mohd Luqman Hidayat dan Ahmad Fuad (2016), menekankan bahawa amalan kesantunan berbahasa merupakan asas penting dalam komunikasi pelajar universiti. Kajian ini menggunakan Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987) sebagai landasan dan mendapati bahawa pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) mengamalkan kesantunan berbahasa dalam komunikasi mereka. Hal ini selaras dengan kajian Siti Norliana et al. (2023), yang menganalisis penggunaan strategi kesantunan dalam komunikasi pelajar sekolah menengah melalui aplikasi WhatsApp, berdasarkan Prinsip Kesopanan Leech (1983). Dapatan menunjukkan bahawa pelajar mengamalkan pelbagai maksim kesopanan seperti maksim santun, kerendahan hati, dan simpati dalam interaksi mereka. Ini menunjukkan bahawa kesantunan berbahasa tetap penting walaupun dalam konteks komunikasi digital.

## **2.7 Pengaruh Terhadap Kemahiran Komunikasi Lisan**

Kemahiran lisan merupakan salah satu kemahiran bahasa yang penting dan merupakan asas dalam mempelajari bahasa. Fenstermacher (2005) menyebutkan bahawa komunikasi, baik secara lisan mahupun bukan lisan ini melibatkan proses pertukaran pemahaman, pengetahuan atau perasaan melalui mesej yang disampaikan. Rosliah dan Shira (2023) pula menyatakan bahawa dialek dapat mempengaruhi kemahiran komunikasi lisan dalam bahasa Melayu standard, namun penguasaan kemahiran lisan ini masih dianggap kurang memuaskan akibat kekerapan penggunaan dialek yang tinggi. Oleh itu, berkemungkinan juga penggunaan bahasa kolokial yang kerap dalam komunikasi lisan pelajar ini akan mempengaruhi dan memberikan kesan terhadap komunikasi lisan secara formal mereka terutamanya ketika melakukan pembentangan, perkongsian pendapat, perbincangan dan sebagainya semasa kuliah.

## **2.8 Model SPEAKING Dell Hymes**

Menurut Muhammad Zaid dan Mohammad Shahrul Nizam (2019), model Etnografi Komunikasi SPEAKING Dell Hymes ialah pendekatan teoritis terhadap bahasa atau wacana yang mengkaji bahasa dari perspektif linguistik dengan menekankan aspek sosial, budaya dan pemikiran masyarakat. Dalam kajian mengenai bahasa kolokial, model ini sesuai untuk menganalisis elemen-elemen yang mempengaruhi pilihan bahasa dan persepsi terhadap penutur. Norma penggunaan bahasa kolokial sering menyimpang daripada formaliti, menghasilkan gaya yang santai dan ekspresif, seperti dalam komunikasi remaja dalam media sosial (Hymes, 1972).

# **3. Metodologi dan Kawasan Kajian**

## **3.1 Tata Cara Pengumpulan Data**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dalam bentuk edaran borang soal selidik secara dalam talian menggunakan Google Form kepada sampel kajian. Sampel kajian ini terdiri daripada 94 orang pelajar yang dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan yang memfokuskan kepada kumpulan sasaran, iaitu pelajar kohort 2022/2023 yang berada di bawah Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa

Moden dan Komunikasi (FBMK), UPM. Pemilihan sampel ini dibuat berdasarkan pelajar daripada program Bachelor Sastera Bahasa dan Linguistik Melayu dengan Keputjian (BABLM) dan pelajar program Bachelor Sastera Kesusasteraan Melayu dengan Keputjian ini mempunyai pengalaman pembelajaran yang serupa, iaitu penggunaan bahasa Melayu ketika kuliah dijalankan, pendedahan yang seimbang mengenai penggunaan bahasa formal, dan kesedaran mengenai tatabahasa dan gaya bahasa yang sesuai dalam komunikasi akademik. Responden kajian ini telah diberi masa selama lima minggu untuk mengisi pautan soal selidik bagi memastikan jumlah responden yang diperlukan adalah mencukupi. Walau bagaimanapun, daripada 94 orang pelajar ini, sebanyak 68 orang telah menjawab soal selidik yang diedarkan, iaitu sekitar 72%.

### 3.2 Analisis Data

Data yang diperoleh melalui borang soal selidik dalam talian (Google Form) daripada 68 orang responden dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS). Kajian ini menggunakan skala Likert lima mata bagi setiap item, dan skor antara 1 hingga 5 dianalisis secara deskriptif berdasarkan nilai min dan sisihan piawai. Tafsiran min dibahagikan kepada tiga tahap kecenderungan respons, iaitu tinggi (3.67–5.00), sederhana (2.34–3.66), dan rendah (1.00–2.33), selaras dengan panduan oleh Chua (2006).

### 3.3 Kawasan Kajian

Kajian ini dijalankan di Universiti Putra Malaysia (UPM), khususnya melibatkan pelajar bachelor di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK). Pemilihan lokasi ini dibuat kerana ia menyediakan sampel kajian yang menepati kriteria, iaitu pelajar bahasa dan linguistik Melayu serta pelajar kesusasteraan Melayu. Kemudahan akademik yang lengkap serta kedudukan UPM yang strategik turut menyokong kelancaran pelaksanaan kajian. Pendekatan ini membolehkan pengumpulan data yang lebih relevan dan berkualiti, sekali gus meningkatkan kesahan dapatan kajian.

## 4. Dapatan dan Perbincangan

### 4.1 Maklumat Demografi Sampel

Berikut merupakan jadual yang merangkumi dapatan mengenai maklumat demografi sampel:

Jadual 1: Kursus Pengajian Sampel

Pemboleh Ubah	Kekerapan	Peratusan (%)
BKM	25	36.8
BLM	43	63.2
<b>Jumlah</b>	<b>68</b>	<b>100.0</b>

Jadual 1 menunjukkan dapatan mengenai kursus pengajian sampel. Kajian ini melibatkan seramai 68 orang responden yang terdiri daripada pelajar bachelor di bawah Jabatan Bahasa Melayu, FBMK UPM. Daripada jumlah tersebut, 43 orang responden (63.2%) merupakan pelajar daripada program Bachelor Sastera Bahasa dan Linguistik Melayu dengan Keputjian manakala 25 orang responden (36.8%) pula merupakan pelajar daripada program Bachelor Sastera Kesusasteraan Melayu dengan Keputjian.

**Jadual 2: Kefahaman Responden Mengenai Bahasa Kolokial**

Pemboleh Ubah	Kekerapan	Peratusan (%)
Bahasa pertuturan tidak formal yang digunakan dalam komunikasi harian.	67	98.5
Bahasa yang digunakan dalam situasi formal dan rasmi.	0	0
Bahasa asing yang dipelajari sebagai bahasa kedua.	1	1.5
Bahasa yang digunakan dalam penulisan akademik.	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>68</b>	<b>100.0</b>

Jadual 2 menunjukkan dapatan kefahaman responden mengenai bahasa kolokial. Dapatan menunjukkan bahawa majoriti responden, iaitu seramai 67 orang (98.5%), memahami bahasa kolokial sebagai bahasa pertuturan tidak formal yang digunakan dalam komunikasi harian. Hanya seorang responden (1.5%) memilih bahawa bahasa kolokial ialah bahasa asing yang dipelajari sebagai bahasa kedua. Manakala, tiada responden memilih bahasa yang digunakan dalam situasi formal dan rasmi serta bahasa yang digunakan dalam penulisan akademik.

#### 4.2 *Kekerapan Penggunaan Bahasa Kolokial dalam Komunikasi Lisan Pelajar*

Berikut merupakan jadual yang merangkumi dapatan mengenai kekerapan penggunaan bahasa kolokial:

**Jadual 3: Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap Kecenderungan Respons bagi Konstruk B**

Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya menuturkan bahasa kolokial dengan ahli keluarga.	4.66	0.51	Tinggi
Saya menggunakan bahasa kolokial ketika berbual dengan rakan.	4.68	0.50	Tinggi
Saya menggunakan bahasa kolokial ketika menggunakan media sosial.	4.26	0.91	Tinggi
Program pengajian saya di UPM mempengaruhi kekerapan penggunaan bahasa kolokial saya.	3.60	1.22	Sederhana
<b>Jumlah</b>	<b>4.30</b>	<b>0.50</b>	<b>Tinggi</b>

Secara keseluruhannya, Jadual 3 memaparkan pengiraan skor min, sisihan piawai dan tahap kecenderungan respons berdasarkan tafsiran julat min mengikut Chua (2006) bagi keempat-empat item mengenai kekerapan penggunaan bahasa kolokial dalam komunikasi lisan harian mereka, khususnya dalam konteks sosial yang bersifat tidak formal. Penggunaan tertinggi direkodkan ketika berbual dengan rakan ( $M = 4.68$ ,  $SP = 0.50$ ), diikuti oleh ketika bersama ahli keluarga ( $M = 4.66$ ,  $SP = 0.51$ ), dan ketika menggunakan media sosial ( $M = 4.26$ ,  $SP = 0.91$ ), yang kesemuanya berada pada tahap tinggi. Ini mencerminkan bahawa bahasa kolokial merupakan medium komunikasi utama dalam interaksi sosial pelajar. Namun begitu, item berkaitan pengaruh program pengajian terhadap penggunaan bahasa kolokial mencatatkan skor min yang paling rendah ( $M = 3.60$ ,  $SP = 1.22$ ), berada pada tahap sederhana, menunjukkan

pendapat yang lebih bercampur-campur dalam kalangan pelajar. Nilai min keseluruhan bagi konstruk ini ialah 4.30 dengan sisihan piawai 0.50, yang mengukuhkan kesimpulan bahawa penggunaan bahasa kolokial dalam komunikasi lisan pelajar berada pada tahap yang tinggi, terutama dalam konteks sosial berbanding konteks akademik.

#### 4.3 Faktor yang Mempengaruhi Penggunaan Bahasa Kolokial dalam Komunikasi Lisan Formal Pelajar

Berikut merupakan jadual yang merangkumi dapatan mengenai faktor yang mempengaruhi penggunaan bahasa kolokial:

**Jadual 4: Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap kecenderungan respons bagi Konstruk C**

Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Penggunaan bahasa kolokial dalam kalangan pelajar bachelo UPM adalah disebabkan oleh pengaruh rakan.	4.25	0.94	Tinggi
Penggunaan bahasa kolokial disebabkan oleh pengaruh daripada percakapan masyarakat.	4.54	0.53	Tinggi
Pengaruh media hiburan seperti filem, komik dan majalah memberi impak dalam wujudnya penggunaan bahasa kolokial.	4.37	0.71	Tinggi
Bahasa kolokial lebih mudah, ringkas dan padat.	4.41	0.78	Tinggi
<b>Jumlah</b>	<b>4.39</b>	<b>0.47</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 4 memaparkan skor min, sisihan piawai dan tahap kecenderungan respons berdasarkan tafsiran julat min mengikut Chua (2006) bagi keempat-empat item mengenai faktor penggunaan bahasa kolokial dalam komunikasi lisan formal pelajar. Analisis data menunjukkan bahawa penggunaan bahasa kolokial dalam kalangan pelajar bachelo UPM dipengaruhi oleh beberapa faktor utama dengan tahap persetujuan yang tinggi secara keseluruhan ( $M = 4.39$ ,  $SP = 0.47$ ). Faktor pengaruh masyarakat mencatat skor tertinggi ( $M = 4.54$ ,  $SP = 0.53$ ), diikuti oleh persepsi bahawa bahasa kolokial lebih mudah dan ringkas ( $M = 4.41$ ,  $SP = 0.78$ ), media hiburan ( $M = 4.37$ ,  $SP = 0.71$ ) dan pengaruh rakan ( $M = 4.25$ ,  $SP = 0.94$ ). Hal ini menunjukkan bahawa norma pertuturan masyarakat dan kandungan media popular banyak membentuk tabiat bahasa pelajar, manakala praktis bahasa kolokial serta interaksi sesama rakan turut menyumbang kepada kecenderungan penggunaannya dalam komunikasi lisan, termasuk dalam situasi formal.

#### 4.4 Kesan Penggunaan Bahasa Kolokial dalam Komunikasi Lisan Formal Pelajar

Berikut merupakan jadual yang merangkumi dapatan mengenai kesan penggunaan bahasa kolokial:

**Jadual 5: Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap Kecenderungan Respons bagi Konstruk D**

Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Martabat kedudukan bahasa Melayu terancam apabila penggunaan bahasa kolokial semakin meluas.	4.32	0.74	Tinggi
Fenomena pertuturan bahasa kolokial dalam komunikasi lisan secara formal akan mengakibatkan perubahan budaya sesuatu masyarakat.	4.32	0.76	Tinggi

Penggunaan bahasa kolokial boleh menyebabkan pelajar tidak mampu menggunakan bahasa Melayu dengan baik.	4.35	0.84	Tinggi
Bahasa kolokial menyebabkan wujudnya kosa kata baharu.	4.47	0.70	Tinggi
<b>Jumlah</b>	<b>4.37</b>	<b>0.55</b>	<b>Tinggi</b>

Secara keseluruhannya, Jadual 5 memaparkan skor min, sisihan piawai dan tahap kecenderungan respons berdasarkan tafsiran julat min mengikut Chua (2006) bagi keempat-empat item mengenai kesan penggunaan bahasa kolokial dalam komunikasi lisan formal pelajar. Dapatan menunjukkan tahap kesedaran yang tinggi terhadap kesan penggunaan bahasa kolokial dalam komunikasi lisan formal ( $M = 4.37$ ,  $SP = 0.55$ ). Mereka bersetuju bahawa bahasa kolokial boleh menjejaskan martabat bahasa Melayu ( $M = 4.32$ ,  $SP = 0.74$ ), menyebabkan perubahan budaya pertuturan masyarakat ( $M = 4.32$ ,  $SP = 0.76$ ), dan melemahkan penguasaan terhadap bahasa Melayu standard ( $M = 4.35$ ,  $SP = 0.84$ ). Selain itu, penggunaan bahasa kolokial ini juga menyumbang kepada kewujudan kosa kata baharu ( $M = 4.47$ ,  $SP = 0.70$ ). Dapatan ini mencerminkan keseimbangan pandangan pelajar terhadap impak bahasa kolokial, iaitu sebagai cabaran kepada standardisasi bahasa rasmi tetapi juga sebagai saluran kreatif dalam memperkayakan bahasa Melayu.

#### 4.5 Perbincangan

Dapatan kajian berkaitan latar belakang demografi menunjukkan bahawa hampir semua responden mempunyai kefahaman yang tepat tentang maksud bahasa kolokial sebagai bentuk pertuturan tidak formal dalam komunikasi harian, sejajar dengan kerangka sosiolinguistik yang menekankan hubungan antara domain sosial dan variasi bahasa. Kefahaman ini turut disokong oleh kajian Mohd Khaidir dan Dicky Wiwattan (2024) yang menunjukkan pelajar mampu menyesuaikan gaya bahasa mengikut konteks, sekali gus mencerminkan tahap kesedaran linguistik yang tinggi. Kesedaran ini menjelaskan kecenderungan penggunaan bahasa kolokial sebagai pilihan strategik dalam interaksi tidak formal, sejajar dengan konsep *convergence* dalam Teori Akomodasi Komunikatif (Giles, 1973). Walaupun terdapat seorang responden yang keliru antara istilah bahasa kolokial dengan bahasa kedua, hal ini memperkukuh keperluan untuk meningkatkan kefahaman istilah linguistik dalam kalangan pelajar. Secara keseluruhan, pengetahuan asas linguistik yang dimiliki oleh pelajar dalam bidang bahasa dilihat mempengaruhi keupayaan mereka mentafsir dan menggunakan variasi bahasa secara kontekstual dan berfungsi.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa bahasa kolokial digunakan secara meluas dalam kalangan pelajar, terutamanya dalam komunikasi bersama ahli keluarga, rakan sebaya dan di media sosial. Fenomena ini berlaku dalam suasana tidak formal, dipengaruhi oleh suasana komunikasi santai serta norma dan hubungan sosial rapat, selaras dengan elemen pelaku, suasana dan medium dalam Teori SPEAKING oleh Dell Hymes. Penggunaan bahasa kolokial dalam konteks ini juga mencerminkan penyesuaian pelajar terhadap norma komunikasi sosial dan identiti budaya mereka, seperti yang dijelaskan melalui Teori Akomodasi Komunikatif oleh Giles (1973). Dapatan ini selari dengan kajian Zuraidah dan Noorhanis (2016) yang mendapati kecenderungan pelajar universiti menggunakan bahasa kolokial dalam interaksi seharian, serta dapatan Nurul Faizza dan Anida (2024) yang menunjukkan bahawa media sosial memainkan peranan dalam normalisasi penggunaan bahasa tidak formal dalam kalangan pengguna muda. Antara faktor utama yang mempengaruhi penggunaan bahasa kolokial dalam situasi formal ialah percakapan masyarakat, sifat bahasa kolokial itu sendiri, media hiburan, dan pengaruh rakan sebaya. Faktor percakapan masyarakat muncul sebagai penyumbang paling dominan,

diikuti oleh sifat bahasa kolokial yang mudah dan mesra pengguna. Kajian Minah (2015) dan Norfarahdila dan Sa'adiyah (2019) menyokong penemuan ini apabila mendapati bahawa persekitaran sosial membentuk tabiat linguistik pelajar, termasuk dalam kalangan etnik dan komuniti luar bandar. Kajian Hazami Jahari (2024) pula menjelaskan bahawa media hiburan mempromosikan penggunaan bahasa tidak baku secara meluas, manakala dapatan oleh Mohd Khaidir dan Dicky Wiwittan (2024) menunjukkan rakan sebaya berperanan besar dalam mempengaruhi pilihan bahasa pelajar sebagai bentuk sosialisasi linguistik dan ekspresi identiti budaya harian.

Penggunaan bahasa kolokial secara meluas dalam komunikasi lisan formal pelajar menunjukkan kesan yang pelbagai, antaranya kemunculan kosa kata baharu, kemerosotan kemahiran berbahasa baku, ancaman terhadap martabat bahasa Melayu, dan perubahan budaya. Walaupun penggunaan ini mencerminkan kreativiti linguistik seperti yang ditegaskan oleh Crystal (2003), ia turut menimbulkan kebimbangan terhadap kemahiran bertutur secara formal, seperti dibuktikan dalam kajian Norfarahdila dan Sa'adiyah (2019) dan Fauzannah (2022). Kajian oleh Mohamad Azreen Afiq dan Muhammad Khairulrijal (2024) pula menegaskan bahawa media sosial mengukuhkan penggunaan bahasa yang ringkas dan padat seperti bahasa kolokial dan slanga, sekali gus menjejaskan ketepatan berbahasa dalam konteks rasmi. Selain itu, pertukaran norma linguistik ini turut membawa implikasi terhadap budaya komunikasi pelajar, sejajar dengan pandangan Purwo (2000) bahawa perubahan bahasa turut menandakan perubahan budaya.

## 5. Rumusan dan Cadangan

Kajian ini telah meneliti pengaruh penggunaan bahasa kolokial dalam kalangan pelajar bachelors di Universiti Putra Malaysia, khususnya dari aspek kekerapan penggunaan, faktor yang mempengaruhi, serta kesannya terhadap komunikasi lisan formal pelajar. Berdasarkan dapatan soal selidik, majoriti pelajar didapati menggunakan bahasa kolokial secara meluas, khususnya dalam perbualan bersama-sama rakan sebaya. Penggunaan bahasa ini banyak dipengaruhi oleh faktor persekitaran sosial, khususnya budaya komunikasi dalam kalangan masyarakat dan media sosial. Walaupun terdapat pandangan yang menganggap bahasa kolokial sebagai satu bentuk evolusi linguistik yang menghasilkan kosa kata baharu dan mencerminkan kreativiti generasi muda, penggunaan yang tidak terkawal dalam konteks formal didapati boleh memberikan implikasi negatif terhadap kemahiran bertutur bahasa Melayu standard. Antara kesan utama yang dikenal pasti ialah ancaman terhadap martabat bahasa Melayu, perubahan nilai budaya komunikasi, serta kelemahan pelajar dalam mengaplikasikan tatabahasa dan kosa kata baku secara tepat.

Kajian lanjutan disarankan menggunakan pendekatan campuran (*mixed-method*) seperti temu bual atau analisis wacana untuk memahami penggunaan bahasa kolokial dalam konteks sebenar. Selain itu, komponen tambahan dalam model SPEAKING Dell Hymes (1974) seperti urutan pertuturan dan genre komunikasi boleh diterokai dalam situasi seperti pembentangan dan soal jawab. Skop kajian juga boleh diperluas kepada pelajar dari pelbagai bidang dan institusi bagi analisis silang. Cadangan turut dikemukakan untuk membangunkan instrumen penilaian kecekapan laras bahasa agar peralihan antara bahasa formal dan tidak formal dapat diukur secara sistematik.

**Penghargaan:** Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pelajar yang telah sudi menjadi responden kajian ini serta memberikan maklum balas yang jujur dan bermakna. Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada penyelia, Dr. Zuraini Jusoh, atas tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Penghargaan juga ditujukan kepada

pihak Fakultas Bahasa Modern dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, atas sokongan dalam pelaksanaan kajian ini.

**Konflik Kepentingan:** Pengkaji tidak mempunyai konflik kepentingan dalam kajian ini.

## Rujukan

- Abdul Chaer. (2014). *Linguistik umum (Edisi Baru)*. PT Rineka Cipta.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan: Kaedah penyelidikan*. McGraw-Hill Education.
- Dewi, A. C., Muchdy, A. J. L., Mael, V. K. S., Sumardi, M. E., Desember, Y. W., & Nadil, A. A. (2023). Peran bahasa Indonesia dalam pembentukan identitas nasional. *Argopuro: Jurnal Multidisiplin Ilmu Bahasa*, 1(3), 11-20.
- Dhia Hasanah. (2020). The use of colloquial words in improving students' speaking through teacher's daily assessment. In *Twelfth Conference on Applied Linguistics (CONAPLIN 2019)*, 29-33. Atlantis Press.
- Fenstermacher, G.D. & Richardson, V. (2005). On masking determination of quality in teaching. *Teachers College Record*, 107:186-213.
- Fishman, J. A. (1972). *The sociology of language: An interdisciplinary social science approach to language in society*. Basic Books.
- Giles, H. (1973). Accent mobility: A model and some data. *Anthropological Linguistics*, 15(2), 87-105.
- Holmes, J. (2013). *An introduction to sociolinguistics* (4th ed.). Routledge.
- Hymes, D. (1974). *Foundations of sociolinguistics: An ethnographic approach*. Philadelphia: University of Pennsylvania.
- Jannes Freddy Pardede. (2014). Ragam bahasa. *Jurnal Bahasa Asing*, 10(10), 53.
- Minah Sintian. (2015). Penggunaan slanga dalam kalangan pelajar Kadazan Dusun di Universiti Pendidikan Sultan Idris. *Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu IX, UPM*. Diperoleh daripada <https://www.researchgate.net/publication/283622571>
- Mohd Khaidir Abdul Wahab & Dicky Wiwittan Toto Ngadiman. (2024). Pilihan bahasa dalam kalangan mahasiswa di Pulau Pinang dalam domain keluarga dan pendidikan. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 14(2), 31-45.
- Mohd Luqman Hidayat Ismail & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2016). Kesantunan berbahasa dalam kalangan pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM). *Proceeding of ICECRS*, 1, 959-966. Diperoleh daripada <https://icecrs.umsida.ac.id/index.php/icecrs/article/view/1285/932>

- Mohd Norazizi Samsudain & Mardiah Shah Omar. (2022). Penggunaan unsur bahasa negatif terhadap hantaran isu 1MDB oleh pengguna. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 33(1), 87-107.
- Muhammad Zaid Daud & Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid. (2019). Persembahan hadrah di Sarawak: Pendekatan etnografi komunikasi. *Sains Humanika*, 11(2), 47-55.
- Muhammad Zaid Daud, Mohamad Fahkri Aiman Yasir, Aqil Danial Emran, Muhammad Zahirul Ikhwan Abdul Halim, Noor Hanisha Jasni, Erwan Ismail, Shahrulanuar Mohamed, Nur Farain Ali, Al Amin Mohamed Sultan & Mary Fatimah Subet. (2024). Mahasiswa, slanga, pembentangan kumpulan berbahasa Melayu dan pragmatik (Teori Relevans). *Jurnal Peradaban Melayu*, 19(2), 1-14.
- Norazilah Buhari, Nor Azlili Hassan & Nik Norazira Abd Aziz. (2020). Unsur disfemisme: Ragam bahasa dalam novel 'Kasyaf Ain'. *Sains Insani*, 5(1), 157-166.
- Norfarahdila Jamali & Sa'adiyah Ma'alip. (2018). Fenomena penggunaan bahasa slanga dalam kalangan remaja felda di gugusan Felda Taib Andak: Suatu tinjauan sosiolinguistik. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(3), 1-1.
- Nurul Faizza Narawi & Anida Sarudin. (2024). Mediator bahasa slanga dalam kalangan murid di media sosial. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 14(2), 102–116. Diperoleh daripada <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/380>
- Paitoon M. Chaiyanara. (2006). *Aspek morfologi dan sintaksis dalam penggunaan bahasa kolokial*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosliah Kiting & Shira Eariy Janedah. (2023). Pengaruh dialek terhadap penguasaan kemahiran komunikasi bahasa Melayu standard pelajar Bumiputera di UPSI. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik*, 5(2):75-87
- Siti Norliana Ghazali, Abdullah Yusof, Anida Sarudin, & Mohd Sufian Ismail. (2023). Kesantunan berbahasa pelajar sekolah menengah menerusi media sosial. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 21(2), 1–33.
- Suhendar, N. (2016). Ragam bahasa di Kecamatan Pakisjaya Kabupaten Karawang (kajian sosiolinguistik). *Lokabasa*, 7(1), 53-61.
- Wankhede, M. S (2012). Linguistic skills and communicative abilities. *The Criterion: An International Journal in English*. 3(2):1-6.
- Wati, U., Rijal, S., & Hanum, I. S. (2020). Variasi bahasa pada mahasiswa perantau di Fakultas Ilmu Budaya Universitas Mulawarman: Kajian sosiolinguistik. *Ilmu Budaya: Jurnal Bahasa, Sastra, Seni, dan Budaya*, 4(1), 21-37.
- Worldwide Interpreting and Translation. (2023). *Colloquial language: Definition and examples*. Diperoleh daripada <https://www.worldwideinterpreting.com/colloquial-language-definition>

Za'ba. (1949). *Pelita Bahasa Melayu: Penggal III*. Singapura: Malaya Publishing House.

Zuraidah Muhidden & Noorhanis Amran. (2016). Penggunaan trunkasi bahasa kolokial dalam kalangan pelajar. *Jurnal Kesidang*, 1(1), 128-153.